



**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KELUARGA  
KEBANGSAAN 2023 (BKK 2023)**

**DATARAN PUTRAJAYA  
4 NOVEMBER 2023 (SABTU) | 10:00 pagi**

*Kemaskini 4 Nov 2023*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## **(A) PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala Puji Bagi Allah SWT, kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan Tahun 2023.**
2. Kami ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri di atas kesudian untuk merasmikan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan Tahun 2023 pada hari ini. Sesungguhnya, sokongan padu Yang Amat Berhormat Dato' Seri adalah satu pengiktirafan atas

peranan dan sumbangan institusi keluarga kepada pembangunan negara.

3. Mengimbas kembali kenangan Sambutan Hari Keluarga pada tahun 1996 di mana Yang Amat Berhormat Dato' Seri telah merasmikan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan di Kuala Lumpur. Antara petikan ucapan YAB pada ketika itu ialah *“Jangan kita maju dalam semua bidang dan pada masa yang sama berlaku apa yang dikatakan Dehumanization of Man. Kita*

*tidak mahu manusia di dehumanized. Kita perlu pertahankan nilai-nilai kemanusiaan dan insan dengan mengukuhkan institusi keluarga'.*

4. Komitmen Yang Amat Berhormat Dato' Seri terus konsisten dari dahulu hingga kini dalam usaha meningkatkan martabat institusi keluarga ke arah pembangunan masyarakat yang beradab, sejahtera dan berdaya saing.

5. Terima kasih juga kepada para hadirin semua yang terdiri daripada pelbagai kementerian, agensi, NGO serta orang awam. Kehadiran anda mencerminkan sokongan serta kebersamaan dalam menyokong kepentingan institusi keluarga.

**(B) INISIATIF KPWK MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI KELUARGA**

YAB Dato' Seri dan hadirin yang saya kasihi sekalian.

6. Institusi keluarga merupakan tonggak kepada kejayaan sesebuah negara. Keluarga adalah titik permulaan kepada penyatuan dan keutuhan perpaduan masyarakat. Tanpa sokongan keluarga, kita sebagai rakyat Malaysia sukar untuk menghadapi cabaran pelbagai aspek kehidupan.
  
7. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menyambut baik konsep Malaysia MADANI yang diperkenalkan kerana konsep ini amat signifikan dengan visi dan

misi Kementerian ini selaku peneraju utama dalam membangun masyarakat yang inklusif dan sejahtera.

8. Dalam memartabatkan nilai-nilai teras konsep Malaysia Madani serta memperkukuhkan lagi institusi keluarga, KPWKM telah menjalankan pelbagai inisiatif.

**(C) SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2023**

YAB Dato' Seri dan Keluarga MADANI yang saya kasihi,



9. Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan merupakan platform untuk kita **menghargai kepentingan institusi keluarga sebagai asas kepada masyarakat yang stabil dan sejahtera**. Menerusi sambutan ini, kita dapat menyatukan usaha semua pihak untuk mengutamakan perspektif keluarga selain mempromosi nilai-nilai yang positif dalam membina sebuah keluarga harmoni dan sejahtera.
  
10. **Tema Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan tahun 2023 (BKK 2023) adalah Keluarga Harmoni, Negara MADANI.** Tema

ini sememangnya sangat sinonim seiring dengan peranan keluarga sebagai tonggak pembangunan negara. Tema ini dipilih untuk mengajak pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak ke warga emas supaya kembali memberi keutamaan kepada elemen asas dalam setiap perancangan dan tindakan kehidupan kita seharian iaitu **kesejahteraan keluarga bermula dengan ikatan kasih sayang yang erat daripada ibu bapa dan ahli keluarga.**

11. Sempena sambutan BKK 2023, **Anugerah Khas Kasih MADANI** juga akan diperkenalkan dan disampaikan oleh Yang Amat

Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kepada majikan yang telah melaksanakan amalan dan polisi mesra keluarga di agensi atau syarikat masing-masing.

12. Anugerah ini bertujuan untuk **mengiktiraf amalan baik majikan yang memberi sokongan kepada usaha Kerajaan bagi membantu rakyat dalam mengimbangi kerja dan keluarga (*work life balance*)**.

13. Sambutan BKK 2023 pada hari ini turut diwarnai dengan pengisian beberapa aktiviti bersama keluarga seperti **“Family Fun Walk” sepanjang 5 kilometer dan Zumba Keluarga.**
  
14. Selain itu, turut disediakan Ekspo KASIH MADANI, Booth dan Gerai Jualan Rahmah serta Aktiviti Family Bonding: Raikan Kasih Keluarga. Marilah kita sama-sama mengambil bahagian dalam setiap aktiviti dan perkhidmatan yang disediakan sepanjang dua (2) hari program sambutan ini.

15. Tambahan itu, sambutan BKK 2023 turut akan disambut di setiap negeri sebagai tanda sokongan dan kerjasama strategik Kerajaan Negeri dalam memartabatkan institusi keluarga.
  
16. **Kempen KASIH MADANI: Keluarga Harmoni, Negara MADANI** pula akan dilaksanakan sepanjang bulan November sehingga awal tahun 2024. Pelaksanaan kempen ini secara berterusan akan mencerminkan kepentingan institusi keluarga yang kukuh sebagai tulang belakang kepada Malaysia MADANI yang progresif. Hasrat meraikan perpaduan dan kepelbagaian

turut akan menyerlahkan kepentingan peranan institusi keluarga dalam membina generasi dan warga yang lebih baik.

**(D) HARAPAN**

YAB Dato' Seri dan Keluarga MADANI yang saya kasihi,

17. Bagi pihak KPWKM, kita akan terus mencari ruang dan peluang melalui pelbagai program dan perkhidmatan yang dapat membantu agenda kita untuk memperkukuhkan institusi keluarga di negara kita.

## **(E) PENUTUP**

18. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang turut berkolaborasi dalam menjayakan penganjuran majlis ini. Tidak lupa kepada rakan-rakan dalam kalangan agensi Kerajaan selaku pempamer yang sudi menawarkan perkhidmatan sepanjang dua (2) hari program sambutan.
  
19. Sekali lagi, kami ingin zahirkan penghargaan yang tidak terhingga buat Yang Amat Berhormat Dato' Seri atas hala tuju,

komitmen dan keprihatinan yang tidak berbelah bahagi dalam bersama-sama memartabatkan institusi keluarga yang sejahtera dan harmoni.

20. Buat semua keluarga di luar sana, tak kira walau di mana anda berada, marilah sama-sama kita membenih KASIH menuai cinta dengan meraikan Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan Tahun 2023 ini. Moga sambutan ini akan menjadi nadi kelestarian untuk kita semua terus kekal harmoni demi Malaysia Tercinta. Ini Bulan Kita, ayuh kita sama-sama



menghayati tema BKK 2023 Keluarga Harmoni, Negara MADANI.

21. Izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun.

*Dari Santubong ke Batu Pahat,  
Singgah di Tambun untuk rehat,  
Jika keluarga terjalin erat,*

*Tiada masalah yang terasa berat.*

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah*

*Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
**4 November 2023**